



SingPass membolehkan anda berurusan secara digital dengan lebih 60 agensi pemerintah menggunakan satu log masuk dan kata laluan.



Pernahkah anda terlupa ID atau kata laluan SingPass anda? Jangan risau!

Dengan aplikasi SingPass Mobile, anda kini boleh log masuk untuk menyemak baki CPF anda, memohon bagi flat HDB dan melakukan lebih banyak perkara menggunakan cap jari, pengecaman wajah atau kod laluan 6-digit. Anda tidak perlu lagi memasukkan kata laluan yang panjang atau membawa token bersama anda! Selain pengesahan yang mudah, SingPass Mobile juga membolehkan akses selamat semasa anda berada dalam perjalanan, mahupun di luar negara.

Menyediakan SingPass Mobile adalah cepat dan mudah

Langkah


1




Muat turun aplikasi 'SingPass Mobile' dari Google Play Store atau Apple App Store. Pastikan pembangunnya ialah 'Agen Teknologi Pemerintah'.

Langkah

2




Log masuk ke akaun SingPass anda dengan ID dan kata laluan SingPass anda.



Langkah


3



Masukkan Kata Laluan Sekali Sahaja (OTP) yang dihantar melalui SMS atau yang dijana oleh token keselamatan OneKey anda.

Langkah



4



Cipta kod laluan 6-digit anda sendiri. Anda boleh memilih untuk menggunakan kod laluan ini, cap jari atau pengecaman wajah untuk log masuk. Sekiranya anda memilih untuk menggunakan cap jari atau pengecaman wajah, kod laluan 6-digit ini akan bertindak sebagai sandaran sekiranya cap jari atau pengecaman wajah anda gagal. Oleh itu, jangan lupa kod laluan ini!

Langkah

5



Aktifkan Touch ID (pengguna iOS) atau pengesahan cap jari (pengguna Android) untuk log masuk dengan menggunakan cap jari anda. Untuk telefon pintar tertentu, aktifkan ID Wajah untuk log masuk dengan menggunakan pengecaman wajah.

Tahniah! Aplikasi SingPass Mobile anda kini sudah sedia untuk digunakan.



Log masuk lebih pantas ke perkhidmatan digital dengan SingPass Mobile

Katakan anda mahu mengakses akaun CPF anda. Dengan SingPass Mobile, imbas atau tekan sahaja kod QR yang dipaparkan di halaman log masuk SingPass, kemudian sahkan identiti anda dengan menggunakan cap jari anda, pengecaman wajah atau kod laluan 6-digit, dan anda sudah masuk!

Berikut video menunjukkan betapa mudah penggunaannya. [Klik di sini.](#)

Alami betapa mudahnya dengan sendiri. Muat turun aplikasinya sekarang!

Dengan SingPass Mobile, anda tidak perlu lagi mencatatkan kata laluan supaya anda tidak terlupa, menunggu OTP-SMS atau membawa token fizikal bersama anda. Apa yang anda perlukan hanyalah cap jari atau pengecaman wajah anda untuk mengakses ratusan perkhidmatan digital. [Muat turun dan cuba aplikasinya hari ini!](#)

Bagaimana untuk sediakan SingPass Mobile?

Muat turun SingPass Mobile

Pastikan pembangun aplikasinya ialah Agensi Teknologi Pemerintah.

Sediakan akaun anda

Ikat arahan dalam aplikasi dan lengkapkan persediaan satu kali.

Semuanya sudah sedia!

Gunakan cap jari anda atau kod laluan 6-digit untuk log masuk.

[Download on the App Store](#)

[GET IT ON Google Play](#)